



مجلس بندراني ڤتالینج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030



**PELAN TINDAKAN
WARGA EMAS
PETALING JAYA
2030**



Diterbitkan di Malaysia oleh :
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7956 3544 Fax : 03-7958 8392

Terbitan 2024 Hak Cipta ©2024 Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau apa juga cara sekalipun, sama ada secara elektronik dan sebagainya, tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya terlebih dahulu.

*Nota: Teks Bahasa Inggeris yang digunakan adalah bertujuan agar tidak mengubah maksud asal yang ingin disampaikan.

GLOSARI

| | | |
|-------------|---|---|
| SDGs | : | Sustainable Development Goals |
| PJSSR 2030 | : | Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient 2030 |
| RMK 12 | : | Rancangan Malaysia Ke12 |
| RS-1 | : | Rancangan Selangor Pertama |
| NGO | : | Non-Government Organisation |
| MBPJ | : | Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| KKM | : | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| JKM | : | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| JKP MBPJ | : | Jabatan Kesihatan dan Persekutaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JPM MBPJ | : | Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JPP MBPJ | : | Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JPSPPA MBPJ | : | Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Perbersihan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JPPPU MBPJ | : | Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JL MBPJ | : | Jabatan Landskap, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JK MBPJ | : | Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| JKB MBPJ | : | Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| UTM MBPJ | : | Unit Teknologi Maklumat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| PDRM | : | Polis DiRaja Malaysia |
| AADK | : | Agensi Antidadah Kebangsaan |
| JPA | : | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| RA | : | Residents' Association |
| RT | : | Rukun Tetangga |
| JMB | : | Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body) |
| SSM | : | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |
| REHDA | : | Real Estate and Housing Developer's Association of Malaysia |
| JPA | : | Jabatan Perkhidmatan Awam |

PERUTUSAN DATUK BANDAR PETALING JAYA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 berjaya disediakan melalui penglibatan pelbagai pemegang taruh yang telah berkongsikan kepakaran, cadangan dan pandangan khasnya dalam memperkasakan golongan warga emas di Petaling Jaya.

Berdasarkan resolusi yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu, penduduk warga emas di Malaysia dijangka akan meningkat 15 peratus menjelang tahun 2030. Menyedari hakikat bahawa Petaling Jaya akan turut terkesan daripada cabaran perubahan demografi warga emas tersebut, pemerkasaan warga emas menjadi keutamaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) demi kelestarian golongan ini pada masa hadapan. Negeri Selangor kini sedang berada dalam fasa peralihan kepada populasi yang semakin berumur dan diunjurkan menjadi negeri super-aged menjelang tahun 2040. oleh itu, isu-isu yang melibatkan warga emas seperti kesihatan fizikal dan mental serta pendapatan rendah dijangka memberi kesan kepada perbelanjaan awam, kebijakan social dan sistem kesihatan.



Matlamat utama Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 yang dirangka adalah untuk melahirkan “Warga emas Petaling Jaya yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui pgunaan sihat, positif, aktif, produktif, selamat dan bahagia dalam persekitaran yang kondusif untuk kehidupan yang lebih sejahtera”

Segala strategi dan tindakan yang telah dirangka akan dilaksanakan secara bersama-sama oleh semua pemegang taruh yang berkaitan bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan di dalam pelan tindakan ini. Dengan itu, kehidupan warga emas di Petaling Jaya akan lebih sihat, selamat, sejahtera dan bebas bergerak tanpa sebarang halangan.

Sekian, terima kasih.

YBRS. TUAN HJ. MOHAMAD ZAHRI BIN HJ. SAMINGTON

Datuk Bandar Petaling Jaya

UCAPAN PENGARAH JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Berdasarkan data banci penduduk dan perumahan 2020, Negara Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua atau aged nation pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduknya merupakan warga emas.

Dari segi jangka hayat penduduk pula, Negara Malaysia mencatatkan peningkatan jangka hayat kepada 75.6 tahun pada tahun 2020 berbanding 63.6 pada tahun 1970. Peningkatan jangka hayat ini merupakan petunjuk yang jelas bahawa negara kita akan berhadapan dengan penuaan penduduk menjelang tahun 2030.

Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 merupakan satu pelan berwawasan jangka panjang yang selari dengan dasar dan halatuju di peringkat kebangsaan iaitu Rancangan Malaysia ke 12 (2021 – 2025), Rancangan Selangor 1 dan lain-lain dasar yang berkaitan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

Pelan tindakan ini telah dirangka bagi memberi tumpuan khusus untuk memperkasakan golongan warga emas yang akan menjadi sebahagian besar penduduk Petaling Jaya menjelang tahun 2030 melalui 5 bidang fokus iaitu **Kesihatan, Ekonomi, Sosial & Keselamatan, Pendidikan dan Persekitaran.**

Pelaksanaan projek, program dan inisiatif sediada akan diperkuuh dan ditambahbaik melalui perancangan tindakan-tindakan yang melibatkan pelbagai pemegang taruh demi kebahagiaan, keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan golongan warga emas di Petaling Jaya.

Saya berharap Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui gandingan kolaborasi pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (ngo), syarikat korporat dan swasta, pemaju dan pemain industri serta seluruh penduduk Petaling Jaya.

Sekian, terima kasih.



TPr. LEE LIH SHYAN
Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

ISI KANDUNGAN

BAB 1 : PENDAHULUAN

| | | |
|-----|---|---|
| 1.1 | BENGKEL PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030 | 2 |
| 1.2 | ISU DAN CABARAN | 3 |
| 1.3 | PRINSIP ‘UNITED NATIONS’ BAGI WARGA TUA | 4 |
| 1.4 | AGENDA PERBANDARAN BAHRU BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS | 5 |
| 1.5 | SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs) BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS | 6 |
| 1.6 | DASAR – DASAR PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN TEMPATAN BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS | 6 |

BAB 2 : FOKUS UTAMA PELAN TINDAKAN WARGA EMAS

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | MATLAMAT DAN OBJEKTIF PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030 | 9 |
| 2.2 | BIDANG FOKUS | 10 |
| 2.3 | STRATEGI & SASARAN | 12 |
| 2.3.1 | KESIHATAN | 12 |
| 2.3.2 | EKONOMI | 13 |
| 2.3.3 | SOSIAL & KESELAMATAN | 14 |
| 2.3.4 | PENDIDIKAN | 15 |
| 2.3.5 | PERSEKITARAN | 16 |

BAB 3 : PENUTUP

| | | |
|-----|------------|----|
| 3.1 | KESIMPULAN | 18 |
|-----|------------|----|

A photograph showing a diverse group of people walking outdoors in a sunny, crowded area. In the foreground, an elderly man in a red jacket and cap uses a walker. To his left, an elderly woman in a striped shirt and sunglasses walks with a cane. Another elderly woman in a floral dress is visible behind them. A young person's arm is seen on the right side. The scene is bright and filled with other blurred figures in the background.

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 BENGKEL PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030

Bengkel Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 telah dianjurkan pada 25 Julai 2023 melibatkan 70 peserta yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuklah wakil agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri, wakil NGO berkaitan warga emas, wakil persatuan penduduk di Petaling Jaya, Ahli-Ahli Majlis MBPJ dan kakitangan pelbagai jabatan di Majlis.

Bengkel telah dijalankan dengan jayanya secara bersistematik dan berstruktur seperti berikut:

- i. Taklimat oleh Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan berkaitan statistik golongan warga emas, keperluan penyediaan pelan tindakan dan bidang fokus yang akan diberikan perhatian.
- ii. Taklimat Pemerksaan Warga Emas : Isu dan Cabaran oleh Pengarah Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- iii. Perbincangan kumpulan fokus berdasarkan 5 fokus utama iaitu **Kesihatan, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan, Pendidikan dan Persekitaran**. Skop perbincangan melibatkan pengenalpastian isu dan cabaran, cadangan & strategi dan 'output' & sasaran.
- iv. Pembentangan hasil perbincangan mengikut kumpulan.

Bengkel Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 diakhiri dengan ucapan Penutup oleh YBhg Tuan Mohamad Azhan Bin Md Amir, Mantan Datuk Bandar Petaling Jaya.



1.2 ISU DAN CABARAN

KESIHATAN

- Kekurangan ruang untuk aktiviti fizikal.
- Kemudahan pengangkutan terhad.
- Tiada keupayaan menguruskan diri.
- Kekurangan fasiliti kesihatan.

EKONOMI

- Tiada / kurang perancangan ekonomi.
- Pengambilan pekerja warga asing.
- Tiada pemimpin yang berkualiti yang dapat mengendalikan program 'urban farming' yang mempunyai potensi ekonomi.

SO SIAL & KESELAMATAN

- Kurang aktif hasil daripada kepimpinan yang kurang baik.
- Terlalu bergantung kepada anak-anak menyebabkan tekanan kewangan, emosi dan sosial di antara kedua-dua generasi.
- Ketidakpelbagaian aktiviti warga emas.
- Warga emas mudah terpedaya dan ditipu.
- Pengabaian warga emas.

PENDIDIKAN

- Kurang kesedaran pembelajaran sepanjang hayat, latihan perniagaan, literasi digital.
- Kekurangan internet, kesedaran penipuan / bengkel 'Hands On'.
- Kurang komunikasi / promosi terhadap program pendidikan.
- Lokasi program tidak mudah diakses.

PERS EKITARAN

- Kekurangan aksesibiliti kawasan rekreasi.
- Kemudahan awam yang ditawarkan tidak bersesuaian dengan kemampuan warga emas.
- Elemen rekabentuk sejagat tidak menyeluruh di semua kawasan tumpuan.

1.3 PRINSIP 'UNITED NATIONS' BAGI WARGA TUA

INDEPENDENCE

- i. Older persons should have access to adequate food, water, shelter, clothing and health care through the provision of income, family and community support and self-help.
- ii. Older persons should have the opportunity to work or to have access to other income-generating opportunities.
- iii. Older persons should be able to participate in determining when and at what pace withdrawal from the labour force takes place
- iv. Older persons should have access to appropriate educational and training programmes.
- v. Older persons should be able to live in environments that are safe and adaptable to personal preferences and changing capacities
- vi. Older persons should be able to reside at home for as long as possible.

PARTICIPATION

- i. Older persons should remain integrated in society, participate actively in the formulation and implementation of policies that directly affect their well-being and share their knowledge and skills with younger generations
- ii. Older persons should be able to seek and develop opportunities for service to the community and to serve as volunteers in positions appropriate to their interests and capabilities.
- iii. Older persons should be able to form movements or associations of older persons.

CARE

- i. Older persons should benefit from family and community care and protection in accordance with each society's system of cultural values.
- ii. Older persons should have access to health care to help them to maintain or regain the optimum level of physical, mental and emotional well-being and to prevent or delay the onset of illness.
- iii. Older persons should have access to social and legal services to enhance their autonomy, protection and care.
- iv. Older persons should be able to utilize appropriate levels of institutional care providing protection, rehabilitation and social and mental stimulation in a humane and secure environment.
- v. Older persons should be able to enjoy human rights and fundamental freedoms when residing in any shelter, care or treatment facility, including full respect for their dignity, beliefs, needs and privacy and for the right to make decisions about their care and the quality of their lives.

SELF-FULFILMENT

- i. Older persons should be able to pursue opportunities for the full development of their potential.
- ii. Older persons should have access to the educational, cultural, spiritual and recreational resources of society.

DIGNITY

- i. Older persons should be able to live in dignity and security and be free of exploitation and physical or mental abuse.
- ii. Older persons should be treated fairly regardless of age, gender, racial or ethnic background, disability or other status, and be valued independently of their economic contribution.

Sumber : General Assembly Resolution 46/91 of 16 December 1991, United Nations Principles for Older Persons diperolehi pada 25 Julai 2023 daripada <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/united-nations-principles-older-persons>.



1.4 AGENDA PERBANDARAN BAHARU BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS

NUA
20

Kami menyedari keperluan untuk memberi perhatian khusus kepada menangani pelbagai bentuk diskriminasi yang dihadapi oleh, antara lain, wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya, mereka yang hidup dengan HIV / AIDS, warga tua, penduduk asal dan masyarakat tempatan, setinggan dan penghuni penempatan tidak rasmi, orang yang tiada tempat tinggal, pekerja, petani, pekebun kecil dan nelayan, pelarian, pelarian yang pulang dan pelarian dalam negara, dan pendatang, tanpa mengira status migrasi.

NUA
34

Kami komited untuk menggalakkan akses yang saksama dan berpatutan kepada infrastruktur fizikal dan sosial asas yang mampan untuk semua, tanpa diskriminasi, termasuk tanah mampu milik, perumahan, tenaga moden dan tenaga boleh diperbaharui, air minuman dan sanitasi yang selamat, makanan berkhasiat dan mencukupi, pelupusan sisa, mobiliti mampan, penjagaan kesihatan dan perancangan keluarga, kebudayaan, dan teknologi maklumat dan komunikasi. Kami juga komited untuk memastikan bahawa perkhidmatan ini adalah responsif kepada hak-hak dan keperluan wanita, kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya, pendatang, penduduk asal dan masyarakat tempatan yang sesuai, dan lain-lain yang berada di dalam keadaan lemah. Dalam hal ini, kami menggalakkan penghapusan halangan undang-undang, institusi, sosio-ekonomi, atau fizikal.

NUA
42

Kami menyokong kerajaan sub-nasional dan tempatan, sebagaimana yang sesuai, dalam memenuhi peranan penting mereka dalam mengukuhkan antara muka di kalangan semua pihak berkepentingan, yang menawarkan peluang untuk berdialog, termasuk melalui pendekatan responsif umur dan jantina, dan dengan perhatian khusus kepada sumbangan yang berpotensi daripada semua lapisan masyarakat, termasuk lelaki dan wanita, kanak-kanak dan belia, warga tua dan orang kurang upaya, penduduk asal dan masyarakat setempat, pelarian dan pelarian dalaman dan pendatang, tanpa mengira status penghijrahan, dan tanpa diskriminasi berdasarkan bangsa, agama, etnik atau status sosio-ekonomi.

NUA
62

Kami komited untuk menangani implikasi sosial, ekonomi dan ruang penduduk berusia, di mana berkenaan, dan manfaatkan faktor penuaan sebagai satu peluang untuk pekerjaan baharu yang baik dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, inklusif dan mampan, di samping meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar.

NUA
134

Kami akan menyokong dasar yang bersesuaian dan kapasiti yang membolehkan sub-nasional dan kerajaan tempatan untuk mendaftar dan menyimbangkan pendapatan potensi mereka, seperti melalui kadaster pelbagai guna, cukai tempatan, yuran dan caj perkhidmatan, selaras dengan dasar-dasar negara, manakala memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan remaja, warga tua, orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan golongan rentan dan juga dengan masyarakat awam, ahli akademik, dan institusi penyelidikan dalam membentuk proses tadbir urus organisasi dan institusi, membolehkan mereka untuk menyertai secara berkesan dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan bandar dan wilayah.

NUA
148

Kami akan menggalakkan pengukuhan kapasiti peringkat kebangsaan, sub-nasional, dan kerajaan tempatan, termasuk persatuan kerajaan tempatan, sebagaimana yang sesuai, bagi berkhidmat untuk wanita dan gadis, kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan golongan rentan dan juga dengan masyarakat awam, ahli akademik, dan institusi penyelidikan dalam membentuk proses tadbir urus organisasi dan institusi, membolehkan mereka untuk menyertai secara berkesan dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan bandar dan wilayah.

NUA
155

Kami akan menggalakkan inisiatif pembangunan kapasiti untuk memperkasa dan mengukuhkan kemahiran dan kebolehan wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan juga golongan rentan untuk membentuk proses tadbir urus, terlibat dalam dialog, dan mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan anti-diskriminasi, untuk memastikan penyertaan mereka secara berkesan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan bandar dan wilayah.

NUA
156

Kami akan menggalakkan pembangunan dasar teknologi maklumat dan komunikasi kebangsaan dan strategi e-kerajaan dan juga sebagai alat tadbir digital bertumpuan khidmat warganegara, memanfaatkan inovasi teknologi, termasuk program pembangunan kapasiti, untuk membolehkan maklumat dan komunikasi teknologi mudah diakses oleh awam, termasuk wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya, warga tua dan golongan rentan, untuk membolehkan mereka membangun dan menjalankan tanggungjawab sivik, memperluaskan penyertaan dan memupuk tadbir urus yang bertanggungjawab, serta meningkatkan kecekapan. Penggunaan platform dan alat-alat digital termasuk sistem maklumat geospatial akan digalakkan untuk menambah baik perancangan jangka panjang yang bersepadu untuk bandar dan wilayah dalam reka bentuk, pentadbiran dan pengurusan tanah, dan akses kepada perkhidmatan bandar dan metropolitan.

1.5 SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs) BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS

SDG
2.2

By 2030 **END ALL FORMS OF MALNUTRITION**, including achieving by 2025 the internationally agreed targets on stunting and wasting in children under five years of age, and address the nutritional needs of adolescent GIRLS, PREGNANT AND LACTATING WOMEN, and **older persons**

SDG
4.7

By 2030 ensure all learners acquire knowledge and skills needed to promote sustainable development, including among others through EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT and sustainable lifestyles, human rights, gender equality, promotion of a culture of peace and nonviolence, **global citizenship**, and appreciation of cultural diversity and of culture's contribution to sustainable development

SDG
11.2

By 2030, provide access to safe, affordable, accessible and **SUSTAINABLE TRANSPORT SYSTEMS** for all, improving road safety, notably by expanding PUBLIC TRANSPORT, with special attention to the needs of those in vulnerable situations, women, children, persons with disabilities and **older persons**

SDG
11.7

By 2030, provide universal access to safe, inclusive and accessible, **GREEN AND PUBLIC SPACES**, particularly for women and children, **older persons** and persons with disabilities.

1.6 DASAR – DASAR PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN TEMPATAN BERKAITAN WARGA EMAS



Tema RMK 12

- 1) Menjana semula ekonomi
- 2) Memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti
- 3) Melonjakkan kemampunan


Tema Rancangan Selangor Pertama (RS1)

- 1) Mengukuhkan lagi status ekonomi sebagai nadi Pertumbuhan
- 2) Menjadi negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada Kesejahteraan
- 3) Menjadi peneraju pembangunan lestari untuk generasi akan datang
- 4) Kerajaan moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat untuk memudahcara pembangunan

Halatuju PJSSR 2030

Halatuju 2.0: Habitat Berdayahuni

- Pemerkasaan Warga Emas Dan OKU meliputi *Health Care*, jaminan pendapatan (insuran dan skim pencen, *silver economy*), accessibility, transportation dan mobility, perumahan dan kehidupan sosial, digitalisasi / komunikasi melalui ‘multi generational planning’ untuk memastikan kehidupan lebih bermakna



Tema Rancangan Selangor Pertama (RS-1)

1. Mengukuhkan lagi status ekonomi sebagai nadi Pertumbuhan.
2. Menjadi negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada Kesejahteraan.
3. Menjadi peneraju pembangunan lestari untuk generasi akan datang..
4. Kerajaan moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat untuk memudahkan cara pembangunan.

POPULASI BERUMUR 65 TAHUN DAN KE ATAS DI SELANGOR



Selangor diunjurkan menjadi negeri super-aged menjelang 2040

5.2 BIDANG TUMPUAN 2 TUMPUAN KHAS KEPADA KUMPULAN SASAR


Kerajaan Negeri Selangor melalui RS-1 menyasarkan untuk memastikan kesejahteraan seluruh rakyat. Bidang Tumpuan 2 memberi fokus khas pada tiga (3) kumpulan sasaran iaitu Belia, Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Isu dan Cabaran

Negeri Selangor kini sedang berada dalam fasa peralihan kepada populasi yang semakin berumur dan diunjurkan menjadi negeri super-aged menjelang tahun 2040. Menurut Bank Dunia, negeri super-aged dikategorikan apabila sekurang-kurangnya 20% daripada populasi terdiri daripada warga emas yang berumur 65 tahun dan ke atas.

STRATEGI 6: Persediaan menangani isu negeri berpopulasi tua Strategi ini menekankan peralihan Selangor kepada masyarakat yang semakin berumur dan persediaan untuk menangani cabaran utama warga emas termasuk kesihatan fizikal, pendapatan rendah dan kesejahteraan sejagat.

| Projek, Program dan Inisiatif Utama | Penerangan Ringkas |
|---|--|
| Platform Pekerjaan Warga Emas Selangor | Menubuhkan platform pemadanan kerjaya yang memberi tumpuan kepada kerjaya dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan warga emas, untuk menyediakan peluang pendapatan dan kesejahteraan dapat dipertingkatkan |
| Program Penuaan Aktif Selangor | Menggalakkan penglibatan aktif warga emas di negeri Selangor melalui pelbagai program pemeriksaan kesihatan, kempen advokasi, program komuniti untuk warga emas dan perancangan kewangan bagi golongan bekerja |
| Membina fasiliti persaraan dan menyediakan latihan penjaga untuk warga emas | Menambah bilangan penjaga dengan menyediakan latihan khusus untuk penjagaan warga emas dan menggalakkan pembinaan kampung persaraan yang boleh menampung keperluan warga emas |



BAB 2 : FOKUS UTAMA PELAN TINDAKAN

2.1 MATLAMAT DAN OBJEKTIF PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030

Matlamat :

“Warga emas Petaling Jaya yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif, selamat dan bahagia dalam persekitaran yang kondusif untuk kehidupan yang lebih sejahtera”

Objektif :

01

Mewujudkan warga emas Petaling Jaya yang sihat fizikal dan mental dan mempunyai sokongan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh



04

Mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas, pemberdayaan warga emas dalam bidang ekonomi (keusahawanan, pembangunan sektor informal) dan bebas daripada kemiskinan



02

Menjamin kesejahteraan sosial dan keselamatan warga emas



05

Mewujudkan persekitaran pembangunan yang mesra dan kondusif untuk semua golongan termasuk warga emas.



03

‘Life Long Learning’ yang membolehkan warga emas terus berkembang, menjalani kehidupan yang bermakna dan terus menyumbang kepada masyarakat



06

Menandakan komitmen setiap pihak berkepentingan bagi menjayakan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030



2.2 BIDANG FOKUS

FOKUS UTAMA BAGI PEMERKASAAN PELAN TINDAKAN WARGA EMAS



Kesihatan



Ekonomi



Sosial &
Keselamatan



Pendidikan



Persekutaran



Kesihatan

- Memperkuat skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan (*vulnerable*).
- Meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas.
- Pelaksanaan program pengekalan kesihatan, pemakanan dan gaya hidup sihat.
- Pelaksanaan pemeriksaan kesihatan percuma.
- Kesihatan awam dan mencegah daripada bahaya yang menjadikan kesihatan akibat pencemaran kimia, air, udara dan tanah.



Ekonomi

- Mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas.
- Pemberdayaan warga emas dalam bidang ekonomi melalui keusahawanan.
- Pembangunan sektor informal, bebas daripada kemiskinan, mampu memiliki hartanah.

- Meningkatkan usaha mempelbagaikan program.
- Kesedaran individu, keluarga dan masyarakat mengenai warga emas dan isu penuaan.
- Mengarus perdanaan warga emas dalam masyarakat.
- Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan penjawat awam, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas.
- Mengarus perdana isu penuaan dalam program pembangunan.
- Pelaksanaan program kesedaran kepada golongan berumur 60 tahun ke bawah.
- Pelaksanaan program keselamatan warga emas (Scam, Cyber Crime & Jenayah).



Sosial & Keselamatan

- Meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat.
- Pembangunan kapasiti untuk menjayakan program pembelajaran sepanjang hayat.
- Menambah baik dan membangunkan infrastruktur untuk pembelajaran sepanjang hayat.
- Menggalakkan penyelidikan dalam bidang penuaan.
- Meningkatkan pemantauan dan penilaian ke atas program.



Pendidikan

- Mengeratkan hubungan timbal balik antara generasi.
- Menaiktaraf pusat jagaan warga emas dan kemudahan penjaga.
- Perumahan mampu milik yang inklusif (multi generation home)
- Aksesibiliti untuk kemudahan kawasan lapang dan ruang awam yang selamat dan inklusif.
- Memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas.



Persekutaran

Nota* : Berdasarkan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, Matlamat Pembangunan Mampan (UNDP) berkaitan Warga Emas SDG 1 : No Poverty, SDG 2 : Zero Hunger , SDG 4 : Quality Education , SDG 6 : Clean Water and Sanitation , SDG 8 : Decentwork and Economic Growth, SDG 11 : Sustainable Cities and Communities dan SDG 13 : Climate Action

2.3 STRATEGI & SASARAN

Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 telah mengambil kira perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang, serta garis masa bagi menyusun rancangan pelaksanaan yang berkesan dengan menetapkan objektif dan sasaran sebagai indikasi yang boleh diukur untuk memudahkan proses pelaksanaan dan pemantauan.

| 2.3.1 KESIHATAN | | | |
|--------------------------|---|-----------------------|--|
| JANGKA MASA | STRATEGI & TINDAKAN | KEKERAPAN / SASARAN | AGENSI BERTANGGUNG JAWAB |
| JANGKA PENDEK / ON GOING | 1. Menganjurkan program kesihatan dan menyediakan pemeriksaan perubatan secara percuma kepada warga emas. | | |
| | 1.1 Kemudahan pemeriksaan kesihatan percuma di hospital dan Klinik Kesihatan Kerajaan. | Isnin - Jumaat | <ul style="list-style-type: none"> • KKM |
| | 1.2 Kemudahan pemeriksaan kesihatan percuma di Klinik MBPJ kepada pesara MBPJ dan warga emas B40. | Isnin - Jumaat | <ul style="list-style-type: none"> • JKP MBPJ |
| | 1.3 Program kesihatan warga emas Petaling Jaya meliputi ceramah, aktiviti gaya hidup sihat, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain. | Setiap 6 Bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ |
| | 2. Menyediakan pendidikan secara atas talian atau fizikal kepada warga emas serta kaunseling tentang psikologi kepada mereka. | | |
| | 2.1 Kolaborasi bersama pihak swasta bagi program pendidikan dan kaunseling kepada warga emas. | Setiap 6 Bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JKP MBPJ • KKM • JKM • Hospital Swasta • NGO |
| | 3. Menyediakan Family Counselling kepada keluarga yang mengambil tanggungjawab untuk menjaga warga emas. | | |
| | 3.1 Kolaborasi bersama pihak swasta bagi program <i>Family Counselling</i> kepada keluarga yang mengambil tanggungjawab untuk menjaga warga emas. | Setiap 6 Bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JKP MBPJ • KKM • JKM • Hospital Swasta • NGO |
| | 4. Bantuan sara hidup untuk warga emas dikaji secara berkala kerana berlakunya inflasi dan kos sara hidup yang meningkat mengikut keperluan. | | |
| | 4.1 Bantuan sara hidup kepada warga emas RM 500.00 sebulan. | Setiap Bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JKM |
| JANGKA SEDERHANA (2027) | 5. Penambahbaikan kepada fasiliti kesihatan supaya lebih mesra kepada warga emas dengan penambahan kakitangan dan bajet untuk menaiktaraf klinik, hospital atau pusat jagaan warga emas yang berdaftar. | | |
| | 5.1 Penambahan bilangan doktor dan jururawat di klinik kesihatan dan hospital kerajaan . | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • KKM |
| JANGKA PANJANG | 5.2 Peruntukan sebanyak RM50,000.00/PAWE setahun untuk bantuan kos operasi di PAWE Petaling Jaya dan Damansara Jaya | 'One Off' dan Setahun | <ul style="list-style-type: none"> • JKM |
| | 6. Menambah bilangan pusat jagaan dan rawatan kesihatan warga emas. | | |
| | 6.1 Menggalakkan pihak swasta dan korporat menyediakan kemudahan pusat jagaan dan rawatan kesihatan warga emas di PPR dan kawasan perumahan kos rendah. | 2027 | <ul style="list-style-type: none"> • Pelabur • Sektor Swasta |
| | 7. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan untuk warga emas secara berpusat. | | |
| JANGKA PANJANG | 7.1 Menggalakkan pelabur dan sektor swasta dalam penyediaan pusat jagaan kesihatan untuk warga emas secara berpusat dengan mematuhi Garis Panduan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan untuk Warga Emas dan Golongan Yang Memerlukan Penjagaan Khas (KPJK) MBPJ. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • Pelabur • Sektor Swasta • JPP MBPJ |
| | 8. Menjalankan kajian keperluan warga emas berdasarkan keperluan semasa. | | |
| JANGKA PANJANG | 8.1 Kajian keperluan warga emas secara tahunan atau setiap 2 tahun untuk mengetahui keperluan warga emas dan melihat kepada perubahan tahunan supaya perkhidmatan warga emas sentiasa ditambah baik diperingkat tempatan. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ |

2.3.2 EKONOMI

| JANGKA MASA | TINDAKAN | KEKERAPAN / SASARAN | AGENSI BERTANGGUNG JAWAB |
|--------------------------|--|---------------------|---|
| JANGKA PENDEK / ON GOING | 1. Menganjurkan kursus perancangan kewangan kepada warga emas. | | |
| | 1.1 Menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan lain dalam penganjuran kursus perancangan kewangan untuk warga emas yang masih bekerja maupun sudah bersara supaya mereka tidak bergantung hanya kepada simpanan KWSP. | Setiap 6 Bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JKM • PM MBPJ • NGO |
| | 1.2 Memperuntukkan keperluan penganjuran kursus perancangan kewangan untuk warga emas dalam Geran PJ SEED (Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan @ PJ SEED). | Setiap Tahun | <ul style="list-style-type: none"> • JPSPPA MBPJ • NGO • Sektor Swasta • Universiti |
| | 2. Inisiatif ‘Berkongsi Pekerjaan’ atau pekerjaan yang mempunyai masa kerja yang fleksibel untuk warga emas. | | |
| | 2.1 Menjalankan kolaborasi bersama pihak swasta bagi mengenalpasti jenis pekerjaan yang sesuai untuk warga emas yang masih boleh bekerja bagi mengurangkan beban kerajaan maupun diri sendiri. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JKM MBPJ • JPM MBPJ • NGO |
| | 2.2 Membangunkan sistem atau aplikasi yang menyediakan peluang pekerjaan kepada warga emas. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JKM MBPJ • JPM MBPJ |
| | 3. Manjalan kan aktiviti kemahiran kepada warga emas ke arah melestarikan ekonomi warga emas. | | |
| | 3.1 Memberi panduan dan nasihat untuk bermula, menjalankan aktiviti jualan tanaman dan perikanan, kemahiran menjahit, memasak, mengait dan lain-lain kemahiran di lokasi berfokus. | Setiap 6 Bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ • JPPPU MBPJ • JL MBPJ • NGO |
| | 3.2 Menganjurkan sesi khas “one-to-one coaching” kepada warga emas bagi memberi panduan terhadap penggunaan teknologi baharu (aplikasi, sistem dan lain-lain). | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ • UTM MBPJ • NGO |
| | 3.3 Menyediakan kuota bagi menggalakkan penglibatan warga emas dalam aktiviti jualan Flea Market atau Car Boot Sale anjuran MBPJ. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPPPU MBPJ |
| JANGKA SEDERHANA (2027) | 4. Menyediakan skim bantuan khusus kepada warga emas iaitu Program Baucer Hari Jadi, Baucer Beli-Belah Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sebanyak RM150 dan Khairat Kematian sebanyak RM500. | Setiap Tahun | <ul style="list-style-type: none"> • YAWAS • ADUN Petaling |
| | 5. Membangunkan program yang membolehkan warga emas terlibat dalam pekerjaan atau projek sosial di dalam komuniti seperti menjadi sukarelawan berdasarkan bidang kepakaran dan pengalaman. | Setiap Tahun | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ • NGO • RA / RT |
| | 6. Menyediakan peluang dan galakan menyertai pinjaman bersama keluarga (pinjaman perumahan dan lain-lain). | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • Agensi Perbankan |
| JANGKA PANJANG | 7. Menyediakan skim pence n yang berkesan dan adil bagi warga emas yang telah bersara termasuk pence n yang mencukupi untuk menampung keperluan setelah bersara. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPA |
| | 8. Insentif oleh Kerajaan kepada majikan yang mengambil warga emas sebagai pekerja. | ‘One Off’ | <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Sumber Manusia |
| | 9. Membantu warga emas yang mempunyai minat untuk bermula membuka syarikat atas nama sendiri (SME). | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPPPU MBPJ • NGO • SSM |

2.3.3 SOSIAL & KESELAMATAN

| JANGKA MASA | TINDAKAN | KEKERAPAN / SASARAN | AGENSI BERTANGGUNG JAWAB |
|--------------------------|--|---------------------------------|---|
| JANGKA PENDEK / ON GOING | 1. Menyediakan khidmat bantuan sokongan sosial kepada warga emas bagi mengurangkan kemasukan warga emas ke institusi. | | |
| | 1.1 Program khidmat bantu di rumah bagi memberi khidmat bantuan sokongan sosial kepada warga emas oleh sukarelawan. | Mengikut Keperluan | • JKM |
| | 2. Menggalakkan penglibatan warga emas dalam program komuniti setempat / persatuan. | | |
| | 2.1 Program persatuan penduduk seperti kebun kejiranan, kitar semula, program keselamatan, gotong royong, sambutan perayaan dan lain-lain program mengambil kira penglibatan warga emas. | Mengikut Keperluan Semasa | • JPM MBPJ • JPP MBPJ • JL MBPJ • RA/RT/JMB • NGO • Persatuan Warga Emas |
| | 3. Melibatkan warga emas dalam program-program keselamatan bersama komuniti. | | |
| | 3.1 Program dialog keselamatan bersama komuniti dan program kesedaran keselamatan. | Setiap 6 bulan | • PDRM |
| | 3.2 Melibatkan warga emas di dalam program keselamatan komuniti (pencegahan jenayah indeks, jenayah siber, scam dan lain-lain keselamatan). | Setiap Tahun | • MBPJ • PDRM • SKMM • JPNIN |
| | 3.3 Melibatkan warga emas di dalam aktiviti rondaan keselamatan kejiranan dan program PKKPJ. | Setiap Bulan | • JPP MBPJ • PDRM • JPNIN |
| JANGKA SEDERHANA (2027) | 3.4 Menyediakan perkhidmatan rawatan dan pertolongan secara sukarela kepada warga emas yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. | Setiap Tahun | • AADK |
| | 3.5 Mempromosikan kempen pencegahan jenayah (indeks dan siber) melalui poster, sms dan iklan di billboard bagi memberi peringatan kepada orang awam terutamanya warga emas. | Setiap Tahun | • JPP MBPJ • PDRM • MCPF |
| | 4. Membangunkan pusat aktiviti sosial kepada warga emas dengan penganjuran aktif program-program yang melibatkan warga emas. | | |
| | 4.1 Menggalakkan aktiviti warga emas di The Spine @ PJKita. | Setiap 6 Bulan | • JPP MBPJ • Pihak Pengurusan The Spine @ PJKita |
| JANGKA PANJANG (2030) | 4.2 Pusat aktiviti sosial memenuhi keperluan rekabentuk sejagat (ramp, handrail, tandas mesra warga emas dan lain-lain). | Setiap Pusat Sosial | • JPP MBPJ • JPM MBPJ |
| | 5. Menambah bilangan pusat aktiviti warga emas. | | |
| | 5.1 Menggalakkan pihak swasta dan korporat menyediakan kemudahan pusat aktiviti warga emas. | Mengikut Keperluan | • Sektor Swasta |
| JANGKA PANJANG (2030) | 6. Jawatankuasa Perancangan Daerah melantik wakil dalam kalangan warga emas untuk mewakili suara, cadangan dan pandangan yang ingin diluahkan di peringkat tempatan seuntuk dibawa sehingga ke peringkat nasional. | Min. 1 wakil bagi setiap daerah | • JKM • RA/RT/JMB |
| | 7. Mewujudkan ruang khusus untuk warga emas bersosial dan menjalankan aktiviti (Placemaking). | Mengikut Keperluan | • JPP MBPJ • Pemaju • Pihak Swasta |
| | 8. Sistem pemantauan pergerakan yang disasarkan di kemudahan awam untuk keselamatan warga emas. | 2028 | • JPP MBPJ • PDRM • Pihak Swasta |

2.3.4 PENDIDIKAN

| JANGKA MASA | TINDAKAN | KEKERAPAN / SASARAN | AGENSI BERTANGGUNG JAWAB |
|--------------------------|--|-------------------------------|--|
| JANGKA PENDEK / ON GOING | 1. Memperbanyakkan program pendidikan kemahiran teknologi moden yang dapat membolehkan warga emas mengambil bahagian dalam dunia digital dan mengadaptasi kehidupan dalam era teknologi. | | |
| | 1.1 Menganjurkan Kursus Kesedaran dan Kemahiran Teknologi Moden (Life-Long Learning IT). | Setiap 6 bulan | <ul style="list-style-type: none"> • UTM MBPJ |
| | 1.2 Menganjurkan sesi khas "one-to-one coaching" kepada warga emas bagi memberi panduan terhadap penggunaan teknologi baharu (aplikasi, sistem dan lain-lain). | Setiap 6 bulan | <ul style="list-style-type: none"> • UTM MBPJ • JPPPU MBPJ |
| | 1.3 Menyediakan kemudahan keahlian secara percuma di Perpustakaan MBPJ bagi menggalakkan warga emas membaca dan meluangkan masa di perpustakaan. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ |
| JANGKA SEDERHANA (2027) | 1.4 Menganjurkan program dan aktiviti kepada warga emas di Perpustakaan MBPJ. | Setiap 6 bulan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ • UTM MBPJ |
| | 2. Menggalakkan penubuhan Kelab Komuniti Warga Emas bagi menyediakan peluang kepada warga emas di dalam komuniti untuk berinteraksi dengan setiap lapisan masyarakat, menjalinkan hubungan sosial yang baru dan meningkatkan rasa sebagai sebahagian daripada komuniti dengan tujuan mengurangkan risiko 'social isolation' di antara warga emas dan generasi muda. | | |
| | 2.1 Galakan penubuhan Kelab Komuniti Warga Emas di dalam kejiraninan. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • UKK MBPJ • JPM MBPJ • RA/RT/JMB • JPNIN |
| JANGKA PANJANG (2030) | 2.2 Jalinan kolaborasi di antara Kelab Komuniti Warga Emas bersama MBPJ, NGO, sektor swasta dan lain-lain pihak berkepentingan untuk menjalankan program dan aktiviti. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPP MBPJ • JPM MBPJ • UKK MBPJ • JKM • RA/RT/JMB • NGO • Sektor Swasta |
| | 3. Menjalinkan kerjasama bersama pihak universiti, syarikat korporat atau NGO dalam penganjuran program pendidikan atau sebarang aktiviti bersama warga emas. | Mengikut Keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • JPM MBPJ • JKM • Universiti • NGO • Syarikat Korporat |
| JANGKA PANJANG (2030) | 4. Membangunkan Pusat Latihan, Institusi Pendidikan atau Pusat Pengajian yang bersesuaian kepada warga emas bagi menggalakkan program pembelajaran sepanjang hayat (Contoh : Pondok Pengajian Islam dan lain-lain). | Min. 1 pusat di Petaling Jaya | <ul style="list-style-type: none"> • JPP MBPJ • Pemaju • Universiti |

2.3.5 PERSEKITARAN

| JANGKA MASA | TINDAKAN | KEKERAPAN / SASARAN | AGENSI BERTANGGUNGJAWAB |
|--------------------------|--|--------------------------------|--|
| JANGKA PENDEK / ON GOING | 1. Penyediaan pusat jagaan warga emas yang mencukupi mengikut keperluan semasa warga emas di Petaling Jaya. | | |
| | 1.1 Penambahbaikan Garis Panduan Pusat Jagaan Warga Emas MBPJ. | Jun 2024 | • JPP MBPJ |
| | 1.2 Memastikan pemilik premis pusat jagaan warga emas yang telah diluluskan mematuhi syarat kelulusan. | Setiap Permohonan | • JPP MBPJ |
| | 1.3 Menjalankan audit pemeriksaan di pusat jagaan warga emas yang telah diluluskan bagi memastikan pematuhan syarat-syarat kelulusan sebelum pembaharuan lesen Kebenaran Merancang Sementara (Tukar Guna). | Setiap Tahun | • JPP MBPJ |
| | 2. Penyediaan kemudahan pengangkutan yang mematuhi keperluan rekabentuk sejagat. | | |
| | 2.1 Memastikan PJ City Bus dan pengangkutan awam swasta mematuhi keperluan rekabentuk sejagat. | Setiap Bas | • JPP MBPJ • Pengusaha Perkhidmatan Pengangkutan Swasta |
| | 2.2 Kemudahan infrastruktur pengangkutan seperti perhentian bas, terminal bas, laluan pejalan kaki, jejantas dan 'linked bridge' mematuhi keperluan rekabentuk sejagat. | Setiap Kemudahan | • JPP MBPJ • JK MBPJ |
| | 2.3 Menyediakan kemudahan bas khas kepada persatuan warga emas atau RA / RT yang menjalankan aktiviti warga emas. | Min. 1 buah bas | • JK MBPJ |
| | 3. Persekutuan luar dan dalam bangunan pembangunan di Petaling Jaya mematuhi keperluan rekabentuk sejagat. | | |
| | 3.1 Menyaratkan pematuhan rekabentuk sejagat bagi permohonan projek pembangunan swasta. | Setiap Permohonan | • JPP MBPJ • Pemaju |
| JANGKA SEDERHANA (2027) | 3.2 Menyediakan TLK warga emas di kawasan perniagaan, kawasan tumpuan dan kemudahan awam. | Mengikut Keperluan | • JPP MBPJ • Pemaju |
| | 3.3 Menggalakkan konsep perumahan inklusif (Multi-Generation / Intergeneration) melalui penyediaan sekurang-kurangnya 1% daripada keseluruhan bilangan rumah. | Setiap Permohonan (perumahan) | • JPP MBPJ • REHDA • Pemaju |
| | 3.4 Pematuhan rekabentuk sejagat bagi setiap projek pembangunan baru serta projek menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur Majlis. | Setiap Projek | • JPP MBPJ • JK MBPJ • JKB MBPJ |
| | 3.5 Menaiktaraf 23 pusat bandar sediada supaya mematuhi keperluan rekabentuk sejagat. | 2 Pusat Bandar Setiap Tahun | • JPP MBPJ |
| JANGKA PANJANG (2030) | 3.6 Menaiktaraf taman rekreasi dan taman awam sediada supaya mematuhi keperluan rekabentuk sejagat. | 10 kawasan lapang setiap tahun | • JL MBPJ |
| | 4. Membangunkan dashboard khas warga emas bagi memantau pelaksanaan dan pencapaian Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030. | | |
| | 4.1 Data hotspot yang menggunakan perisian GIS untuk padanan pemetaan komuniti warga emas berpendudukan kritis (elderly hot spot area). | 2026 | • JPP MBPJ • UTM MBPJ |
| JANGKA PANJANG (2030) | 4.2 Membangunkan profiling warga emas yang mengandungi pengkhususan kepakaran, kemahiran dan kelebihan di bawah program persediaan persaraan bakal warga emas bagi memanfaatkan komuniti setempat. | 2027 | • JPP MBPJ • UTM MBPJ • JPA |
| | 5. Membangunkan kemudahan pusat penginapan mesra warga emas di Petaling Jaya. | | |
| | 5.1 Pemberian insentif khas kepada pelabur dan pihak pemaju yang membina pusat penginapan mesra warga emas di Petaling Jaya. | 2027 | • MBPJ • REHDA • Pemaju |
| | 6. Mewujudkan konsep perumahan 2 unit bertentangan untuk warga emas dan keluarga. | 2029 | • MBPJ • REHDA • Pemaju |



BAB 3 : PENUTUP

3.1 KESIMPULAN

Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 merupakan satu pelan hala tuju yang mengandungi perancangan, tindakan dan sasaran yang akan membantu MBPJ, agensi kerajaan, NGO, sector swasta dan lain-lain pihak berkepentingan untuk menyediakan persekitaran dan program-program kepada warga emas selaras dengan hasrat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai ‘Ageing Friendly City’ terutamanya kepada seluruh penduduk Petaling Jaya dan penduduk di bandar-bandar sekitar.

Komitmen, Kerjasama dan penggembangan tenaga semua pihak berkepentingan di Petaling Jaya akan menjadi kunci utama dalam pencapaian matlamat Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 iaitu untuk menjadikan “**Warga emas Petaling Jaya yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif, selamat dan bahagia dalam persekitaran yang kondusif untuk kehidupan yang lebih sejahtera**”.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam penyediaan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 yang berkongsi visi serta aspirasi yang sama demi kepentingan kualiti kehidupan komuniti Petaling Jaya khususnya kepada golongan warga emas.





Diterbitkan di Malaysia oleh :
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7956 3544 Fax : 03-7958 8392